



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Kanun Tanah Negara (Pindaan) (No.2) 1985

DR.21/1985

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara.

[and under Part Sixteen]

BAHAWASANYA adalah bermanfaat dipinda Kanun Tanah Negara bagi maksud semata-mata untuk menentukan keseragaman undang-undang dan dasar:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, menurut peruntukan-peruntukan Fasal (4) Perkara 76 Perlembagaan INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) (No. 2) 1985.

Tajuk
ringkas dan
pemakaian.

(2) Seksyen 2 hendaklah terpakai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dan seksyen 3 dan 4 hendaklah terpakai di seluruh Malaysia Barat.

2. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 25hb Mac 1985.

Mula
berkuat-
kuasanya
Akta
Kanun
Tanah
Negara
(Pindaan)
1984 di
Wilayah
Persekutuan
Kuala
Lumpur.
Akta A587.

2 RANG UNDANG-UNDANG

Pindaan
seksyen
433B.
Akta 56/65.

3. Seksyen 433B Kanun Tanah Negara adalah dipinda dengan memasukkan, selepas subseksyen (2), subseksyen baru (3), (4) dan (5) yang berikut:

“(3) Notwithstanding subsection (1), but subject to subsection (4), it shall not be necessary for a non-citizen or a foreign company to obtain the approval of the State Authority for the purpose of a charge or a lien in respect of any alienated land or any undivided share in such land or any lease of such land under Part Sixteen.

(4) Where an order for sale has been made under section 256, or 263, or 281, as the case may be, a non-citizen or a foreign company, whether or not he is the chargee or a lien-holder, shall not be entitled to bid at the sale where the land is subject to the category “agriculture” or to any condition requiring its use for any agricultural purpose, and in a case where it is not subject to the category “industry”, without the approval of the State Authority.

(5) Subsection (4) shall not apply to land subject to the category “industry”.”

Mula
berkuat-
kuasanya
pindaan-
pindaan
yang dibuat
oleh
seksyen 3.
Akta 56/65.

4. Pindaan-pindaan kepada seksyen 433B Kanun Tanah Negara yang dibuat oleh seksyen 3 Akta ini hendaklah terpakai bagi apa-apa gadaian yang dilaksanakan, atau apa-apa lien yang diwujudkan sama ada sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Kanun Tanah Negara.

2. Fasal 2 Rang Undang-Undang bertujuan membuat peruntukan supaya Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1984 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 25hb Mac 1985.

3. Fasal 3 Rang Undang-Undang bertujuan meminda seksyen 433B Kanun Tanah Negara dengan memasukkan subseksyen baru (3), (4) dan (5) ke dalam seksyen itu.

Subseksyen baru (3) bertujuan membolehkan seseorang yang bukan warganegara atau suatu syarikat asing mengambil gadaian atau lien berkenaan dengan mana-mana jua tanah bermilik, atau mana-mana jua bahagian yang belum dipecah bagi tanah itu, atau apa-apa pajakan akan tanah itu, di bawah Bahagian Enam Belas Kanun tanpa perlu mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Subseksyen baru (4) bertujuan memperuntukkan bahawa seseorang yang bukan warganegara atau suatu syarikat asing tidaklah berhak membuat tawaran di penjualan tanah menurut suatu perintah di bawah seksyen 256, 263 atau 281, tidak kira sama ada atau tidak dia itu pemegang gadaian atau pemegang lien tanah tersebut, di mana tanah itu adalah tertakluk kepada kategori "pertanian" atau kepada apa-apa syarat yang berkehendakkan ia digunakan bagi apa-apa jua maksud pertanian. Bagaimanapun, dalam hal mana-mana jua tanah lain yang tidak tertakluk kepada kategori "industri", seseorang yang bukan warganegara atau suatu syarikat asing boleh membuat tawaran di penjualan itu dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Subseksyen baru (5) bertujuan untuk memperjelaskan bahawa subseksyen (4) tidaklah terpakai bagi mana-mana tanah yang tertakluk kepada kategori "industri", dan, berikutan dengan itu, seseorang yang bukan warganegara atau suatu syarikat asing akan berhak membuat tawaran di penjualan seperti yang disebutkan dalam subseksyen (4) berkenaan dengan tanah tersebut tanpa perlu mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

4. *Fasal 4* Rang Undang-Undang bertujuan memperuntukkan subseksyen baru (3), (4) dan (5) yang hendak dimasukkan ke dalam seksyen 433b Kanun melalui *Fasal 3* Rang Undang-Undang supaya terpakai bagi semua gadaian yang dilaksanakan, dan semua lien yang diwujudkan, sama ada sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya Akta yang hendak dikanunkan oleh Rang Undang-Undang ini.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1343.]

Short title and application.

Commencement of the National Land Code (Amendment) Act 1984 in the Federal Territory of Kuala Lumpur. Act 1587.

Amendment of section 433b. Act 56/65.

3. Section 433b of the National Land Code is amended by inserting after subsection (2), new subsections (3), (4) and (5) as follows:

"(3) Notwithstanding subsection (1), but subject to subsection (4), it shall not be necessary for a non-citizen or a foreign company to obtain the